

Bengkel dedah kaedah dapat publisiti lebih luas terhadap organisasi

KUALA LUMPUR 10 Mac - Bengkel Strategi Publisiti Pegawai Perhubungan Awam Universiti Awam Bersama *Utusan Malaysia* yang berlangsung dua hari sehingga semalam, memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah untuk mendapatkan publisiti lebih luas terhadap organisasi masing-masing.

Pegawai Perhubungan Awam Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Sabri Ahmad**, 50, berkata, bengkel tersebut memberi banyak manfaat terutama bagaimana untuk mendapatkan publisiti bagi meningkatkan imej organisasi masing-masing melalui kerjasama dengan pihak media.

"Program seumpama ini perlu diteruskan pada masa akan datang kerana memberi panduan tentang cara menghasilkan artikel yang berkesan bagi tujuan promosi dan publisiti. Ini merupakan perkara penting yang perlu diambil kira oleh setiap pegawai perhubungan awam," katanya.

Bengkel yang berlangsung di Dewan Besar Ibu Pejabat Kumpulan Utusan itu disertai 30 pegawai perhubungan awam yang mewakili universiti awam dan institusi pengajian tinggi lain seluruh negara.

Antara penceramah yang terlibat memberi pendedahan dalam bengkel tersebut ialah Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Hassan Mohd. Noor; Penolong Pengarang *Utusan Malaysia*, Zulkefli Hamzah; Pengarang Berita Kanan 1, Rozman Ismail; Pengarang Kanan Media Baharu, Gamal Nasir Mohd. Ali; Editor Foto, Abdul Kadir Bachok dan wartawan Meja Pendidikan, Mohd. Saiful Mohd. Sahak.

Majlis penutupan bengkel itu disempurnakan oleh Ketua Penga-



SABRI AHMAD



NORZILA ROSLIN



MARZIANA MOHAMED



Program seumpama ini perlu diteruskan pada masa akan datang kerana memberi panduan tentang cara menghasilkan artikel yang berkesan bagi tujuan promosi dan publisiti."

SABRI AHMAD

Pegawai Perhubungan Awam Universiti Teknologi Malaysia

rang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak.

Pegawai Perhubungan Awam, Universiti Sains Malaysia (USM), **Marziana Mohamed Alias**, 34, pula berkata, banyak perkara yang dipelajari sepanjang menyertai bengkel dua hari itu.

"Panel penceramah terdiri daripada mereka yang berpengalaman luas dalam bidang penulisan berita dan rencana, jadi,

secara tidak langsung kami dapat input yang bagus secara terus.

"Melalui bengkel ini juga kita diberi pendedahan bagaimana untuk menjadi seorang pegawai perhubungan awam yang baik," katanya.

Pegawai Perhubungan Awam Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, **Norzila Roslin**, 29, berkata, banyak maklumat diperoleh daripada bengkel itu terutama cara untuk berhubung dengan pihak media.

Selain itu jelasnya, mereka juga mempelajari tatacara ketika berkomunikasi dengan agensi media.

Sementara itu Abdul Aziz dalam ucapannya mempelawa universiti awam menjalin kerjasama strategik dengan Kumpulan Utusan dalam apa jua bidang bagi mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua pihak.

Menurutnya, setiap universiti mempunyai kepakaran tertentu antaranya pertanian, perubatan, perakaunan, undang-undang, ekonomi, teknologi dan kebudayaan.

"Melalui kepakaran ini, kita boleh menjalin kerjasama strategik yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak," katanya.